

PESANAN MINGGU KATEKETIKAL – 21 SEPTEMBER 2014

Tema: “KUATKANLAH HATI! AKU TELAH MENGALAHKAN DUNIA” (Yohanes 16:33b).

Tuhan Yesus yang telah bangkit memberikan anda damai!

Banyak peristiwa yang berlaku di sekitar kita baru-baru ini nampaknya tidak memberi kita satu gambaran yang cerah tentang keindahan ciptaan alam dan kemanusiaan itu sendiri. Di peringkat tempatan, trend pelampau keagamaan, cara tidak beretika dalam penukaran agama, proses ‘PengIslaman’, polarisasi kaum, isu penggunaan istilah 'ALLAH' dan pelbagai bentuk ketidakadilan boleh menyebabkan tsunami ketakutan, keraguan dan ketidakpastian. Apabila seseorang dibebani oleh perasaan negatif ini, maka ia akan bertanya: “Di manakah Allah dalam semua ini? Di manakah Kerajaan Allah itu?” Seseorang itu boleh merasa kecewa, hampa, termasuk putus asa.

Yesus tidak menjanjikan perjalanan hidup yang lancar kepada para pengikutNya. Malah Dia memperingatkan mereka akan kesengsaraan, penganiayaan dan kemungkinan menjadi matir kerana mengikutNya. Dalam Injil Yohanes bab 16, Yesus memberi jaminan kepada Para Rasul tentang bantuan seorang Penghibur, iaitu Roh Kudus - Roh Kebenaran yang akan membimbing mereka kepada Kebenaran yang sempurna. Dia menjemput mereka untuk menjadi berani dan tidak menyerah kepada ketakutan akan kuasa kegelapan kerana Dia sendiri telah menakluki kuasa-kuasa gelap tersebut. Para Rasul seharusnya berani dan berdiri teguh dalam iman sebab pada akhirnya kebaikan tetap akan mengatasi kejahatan.

Pada hari ini, Tuhan kita yang Mulia dan Bangkit meyakinkan kita bahawa Dia telah mengalahkan kuasa-kuasa kejahatan. Melalui kematian dan kebangkitanNya, Yesus telah menyelamatkan kita dari cengkaman si jahat. Kita dipanggil, dipilih dan diutus dengan kuasa “Roh yang membangkitkan kekuatan, kasih dan ketertiban.” (2Tim.1: 7). Kita diingatkan untuk “mengggunakan pemberian yang dikurniakan oleh Allah” (2Tim.1: 6) dan dengan iman yang teguh (1Yoh.5 :4-5) mengatasi segala kebencian dan permusuhan dengan kasih, pengampunan dan persahabatan yang sejati. Kita juga diutus untuk mempromosikan keadilan, keamanan, keharmonian dan persefahaman antara agama dan budaya. Kita digesa untuk mewujudkan satu keluarga besar Allah yang ESA dan SATU, pencipta segala sesuatu.

Keluarga, iaitu Gereja domestik, seharusnya menjadi rumah dan sekolah yang memupuk semangat persekutuan di mana kanak-kanak kita hidup berakar dalam Kristus dan diasuh dengan nilai-nilai Injil seperti keadilan, keamanan dan cintakasih. Dalam menghadapi segala cabaran keluarga moden ini, Yesus memberi jaminan kepada para ibu bapa bahawa Dia akan terus bersama dan membantu mereka dalam usaha membentuk anak-anak yang berani melawan arus yang tidak bernilai, menjadi saksi kepada kebenaran dan merealisasikan Kerajaan Allah di sini dan pada saat ini.

Semoga anda semua diberkati dan berbuah banyak sempena Minggu Kateketikal ini. Semoga Tuhan yang telah Bangkit mengurniakan anda Iman, Harapan dan Cinta Kasih, seperti yang Dia telah janjikan: “Aku menyertai kamu selalu; ya, sehingga akhir zaman” (Mt.28: 20).

Komisi Kateketikal Malaysia.

Disediakan oleh Fr John Anandan, OFM.Cap.
Diosis Sibiu

Bagaimana merayakan Minggu Kateketikal 2014

Para katekis boleh memilih cadangan-cadangan berikut dan membuat adaptasi:-

1. Penyampaian powerpoint tentang petikan-petikan alkitab sebelum Misa atau selepas Komuni Suci.
2. Lakonan singkat/persembahan seperti lagu-lagu, tarian, atau pantomin dengan bantuan ibubapa.
3. Pameran elemen-elemen iman seperti para Santo/Santa, Matir dan kreativiti yang lain.
4. Membawa kanak-kanak dan ibubapa menghadiri Saat Teduh.
5. Kesaksian/perkongsian dari seorang katekis baru, seorang kanak-kanak, dan seorang ibu/bapa.
6. Ibubapa mengendalikan penjualan makanan (sarapan) di paroki.
7. Perayaan di peringkat daerah.
8. Mengadakan aktiviti mempromosikan doa dan jenis-jenis doa sebagai satu cara meneguhkan iman menghadapi pelbagai cabaran dalam masyarakat hari ini.